

## **ADAT DAN PANTANG LARANG DALAM MASYARAKAT ORANG ASLI SUKU SEMAI**

**NAFISIAH HAJI ABDUL RAHMAN**

Unit Pendidikan Islam

Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang

26400 BANDAR JENGKA, Pahang

### **ABSTRAK**

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan pelbagai bangsa, suku kaum, bahasa, adat dan budaya. Walaupun wujud tiga golongan etnik yang besar iaitu Melayu, Cina dan India, namun Malaysia turut didiami oleh puluhan suku kaum bumiputra lain yang menetap di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Mengkaji suku kaum ini, memudahkan kita untuk mengenali mereka dengan lebih rapat dan secara tidak langsung dapat mengengahkan lagi khazanah bagsa kita ke pengetahuan umum. Khususnya masyarakat Orang Asli yang sebahagian besarnya tinggal di kawasan-kawasan pedalaman. Jika tiada usaha yang dilakukan untuk mendedahkan mereka ke pengetahuan umum, maka lambat laum akan hilanglah warna warni adat istiadat yang mencerminkan suku kaum ini. Sudah pastinya ia akan merugikan khazanah budaya bangsa kita.

Usaha yang dilakukan oleh penulis adalah semata-mata untuk melihat dengan lebih jelas kedudukan adat istiadat suku kaum Semai yang dikatakan suku kaum paling cantik dalam masyarakat ini dan paling ramai mendiami negeri Perak. Pada pendapat penulis sebagai warga negara yang berdaulat Orang Asli juga patut didedahkan kepada masyarakat lain agar mereka sama-sama dapat mengécapai segala kemajuan yang dinikmati oleh kaum-kaum lain di Malaysia. Untuk membawa mereka keluar dari kepompong adat istiadat yang mengatur sistem kehidupan mereka ke alam kemajuan negara, terlebih dahulu kita haruslah memahami adat dan istiadat tersebut, agar setiap langkah yang diatur untuk mereka tidak akan kecundang. Di samping itu, dengan adanya penulisan-penulisan yang berkaitan dengan masyarakat ini melalui hasil kajian yang tepat, maka dapatlah menghindari segala

kekeliruan dan ketidaktepatan fahaman orang ramai terhadap masyarakat ini.

Di kesempatan ini juga penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih khusus kepada Prof Madya Dr. Juli Edo, dari Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, yang banyak memberi panduan kepada penulis untuk menghasilkan sebuah penulisan ringkas ini. Beliau merupakan satu-satunya anak bangsa suku kaum Semai yang berjaya dalam bidang akademik di peringkat tertinggi. Semoga sedikit hasil kerja ini akan dapat membantu mereka yang ingin mengetahui dengan lebih mendalam suku kaum ini.

## PENGENALAN

Masyarakat Orang Asli merupakan salah satu daripada komuniti Bumiputra yang bertaburan di seluruh Semenanjung Malaysia. secara umumnya masyarakat ini diuruskan oleh satu jabatan yang dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Orang Asli Di Malaysia Barat terbahagi kepada tiga kumpulan etnik iaitu:

- i Negrito
- ii Senoi
- iii Melayu Asli (Proto Malay)<sup>i</sup>

Razha Rashid, dalam penulisannya yang bertajuk '*Indigenous Minorities Of Peninsular Malaysia*' (1995) , menjelaskan bahawa pembahagian ini telah diterima umum sepertimana yang dijelaskan oleh P.D.R.William, Hunt (1955) dan Iskandar Carey (1976). Akta Orang Asli 1954 (*The Aboriginal Peoples Ordinance 1954*) telah menyatakan bahawa Orang Asli dapat dibahagikan kepada tiga kumpulan yang disebutkan di atas (1954, Perkara 2). Orang Asli di Malaysia Barat merupakan kumpulan etnik yang '*heterogeneous*'.<sup>ii</sup> Ketiga-tiga kumpulan ini berbeza di antara satu sama lain dari fizikal, ekonomi, organisasi sosial, kepercayaan dan bahasa.

Marie-Andree Cuoillard, dalam bukunya '*Tradition in Tension : Carving in Jah Hut Community*'(1980), telah mengemukakan beberapa kajian yang telah dibuat oleh beberapa orang tokoh, antaranya ialah G. Benjamin ('97). Beliau telah membahagikan kelompok Orang Asli ini berdasarkan kepada bahasa yang digunakan

oleh mereka. Seterusnya kajian yang dibuat oleh William.Hunt (1952) dan Iskandar Carey (1976) pula lebih bercorak etnografi. Manakala C.O.Blagden (1906) dan R.J.Wilkinson (1910) pula lebih memusatkan kajian mereka kepada bahasa dan dialek Orang Asli.<sup>iii</sup> Sehubungan dengan ini, mereka telah membahagikan Orang Asli kepada tiga kumpulan berdasarkan bahasa atau dialek mereka. Pertama kumpulan Aslian Utara (Northen Aslian). Kumpulan ini pula terdiri dari beberapa kumpulan kecil seperti Kensiu, Kintaq Bong, Bateq,Jahai, Mendriq, dan Che Wong. Manakala Kumpulan kedua pula terdiri daripada kumpulan yang dikenali sebagai Aslian Tengah (Central Aslian) yang terdiri daripada beberapa kumpulan kecil seperti Lanoh,Temiar, Semai, Semnam dan Jah Hut. Akhirnya yang ketiga terdiri daripada beberapa kumpulan kecil seperti Semoq Beri, Temog, Semelai dan Mah Meri<sup>iv</sup>. Menurut bancian yang dibuat oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, pada tahun 1994, jumlah populasi masyarakat ini ialah seramai 92,203 orang. Sejumlah 2,629 orang terdiri daripada Orang Negrito, 49,469 terdiri dari Orang Semai dan 40,105 merupakan Orang Proto Malay.<sup>v</sup>

## BUDAYA HIDUP ORANG ASLI SECARA UMUM

Secara ringkas, dapat dikatakan Orang Asli terlibat dengan aktiviti mengumpul hasil-hasil hutan seperti buah-buahan dan tumbuh-tumbuhan yang boleh digunakan dalam kehidupan seharian, memburu dan pertanian pindah.<sup>vi</sup> Baharun Azhar Rafie dalam penulisannya Parit Gong : An Orang Asli Community Transition (1973), mengakui bahawa Orang Asli memang terlibat dengan bentuk ekonomi seperti ini. Begitu juga dengan Sarjana lain seperti Skeat dan Blagden (1906),Schehesté (1972), Noone (1936), Dentan (1964), Carey (1976), Endicott (1977) dan lain-lain pengkaji dalam negeri yang banyak menulis tentang Orang asli. Aktiviti ekonomi tradisi yang disebut di atas terus kekal hingga hari ini.<sup>vii</sup>

Terdapat beberapa jenis aktiviti ekonomi tradisi atau pekerjaan tradisi yang dilakukan oleh Orang Asli. Aktiviti mengumpul hasil hutan dan memburu binatang selalu dihubungi dengan cara hidup Orang Negrito. Hasil hutan yang dikumpulkan ialah rotan, buluh, buah-buahan hutan, keladi, uhbi dan akar-akar jaya yang boleh dimakan (Endicott, 1977 :2). Beliau menganggap bahawa Orang Negrito ialah kumpulan pengumpul dan pemburu yang progressif. Keadaan ini berlaku kerana Orang Negrito ini berhubungan dengan jiran mereka Orang Melayu yang terlibat dengan aktiviti pertanian. Orang Negrito mengumpul hasil hutan seperti rotan , buluh, buhadurian, petai dan kerdas untuk dijual kepada orang tengah yang terdiri dari orang Melayu dan China.<sup>viii</sup>

Orang Senoi pula amnya merupakan kumpulan yang hidup sebagai petani pindah. Di samping menanam padi bukit, mereka juga menanam ubi kayu, jagung dan sayuran. Mereka juga menjalankan kegiatan memburu, menangkap ikan dan juga mengutip hasil hutan seperti rotan, buluh, petai dan durian. Aktiviti mengumpul ini merupakan aktiviti yang dijalankan secara sahingan. Ianya bukanlah merupakan aktiviti sepenuh masa. Kumpulan Orang Melayu Asli tidak menunjukkan keseragaman tentang aktiviti ekonomi mereka, ada yang masih kekal memburu, mengumpul hasil hutan dan nomadik seperti Orang Jakun. Orang Semai pula mengamalkan pertanian pindah, memburu dan mengumpul hasil hutan. Orang Temuan pula ada yang bersawah, menoreh getah dan bekerja mengambil upah di estet-estet getah<sup>ix</sup>. Orang Seletar, Orang Laut di persisiran pantai barat Johor terlibat dengan aktiviti menangkap ikan. Dari keterangan ringkas di atas dapatlah dikategorikan pekerjaan tradisi Orang Asli kepada empat perkara :

- a) Memburu dan mengumpul hasil hutan seperti rotan, buloh dan lain-lain.
- b) Berladang samada secara berpindah (swidden agriculture).
- c) Menanam getah, kelapa sawit dan kopi (sebagai tanaman pasaran).
- d) Menangkap ikan.

Konsep keagamaan yang diamalkan hampir sama iaitu mereka menganut fahaman animisma. Mereka percaya setiap makhluk mempunyai roh tersendiri. Walaupun mereka mempercayai kewujudan Tuhan namun tumpuan utama konsep kepercayaan mereka adalah berpusat kepada kekuasaan dan peranan hantu dan semangat yang mengawal kehidupan manusia dan alam semesta. Mereka juga percaya Tuhan mempunyai kuasa yang berbagai jenis dan berlaku adil, antara nama-nama Tuhan tersebut ialah, Engkau, Karei, Hilio dan Hiwah. Tugas Tuhan menjaga kampung, kawasan gunung ganang dan sebagainya. Andaikata ada perlanggaran adat, maka kampung tersebut akan diturunkan bencana seperti ribut petir, hujan lebat dan sebagainya. Upacara ritual berkait rapat dengan sistem kepercayaan mereka, misalnya bila berlaku kesakitan yang menuntut kepada perubatan, perbomohan yang menjadi adat mereka, akan dilakukan. Contohnya upacara amal bomoh dalam masyarakat Semoq Beri dan Mah Meri dikenali sebagai beralin.<sup>x</sup>

Keseragaman budaya hidup masyarakat Orang Asli jelas kelihatan pada aturan sosial dalam masyarakat mereka khususnya terhadap pegangan atau kepercayaan pada sistem nilai dan norma masyarakat yang menjadi adat atau etika hidup mereka. Rata-rata masyarakat Orang Asli mempunyai sistem kepercayaan tersendiri yang mengatur urusan kehidupan dan perhubungan sosial dalam komuniti mereka. Konsep kepercayaan ini meliputi tanggapan (*attitude*), norma, ideologi, simbol, nilai dan agama. Semuanya ini diabadikan dalam adat resam yang masih lagi penting bagi

masyarakat Orang Asli. Cara ini juga adalah untuk mengekalkan 'social cohesion' dan mengawal perlakuan individu dalam masyarakat. David L.Sills dalam *International Encyclopedia Of Social Science*<sup>xii</sup> menjelaskan bahawa "...*any simple proposition, conscious or unconscious, inferred from what a person says or does, capable of being proceeded by the phrase*".

Dalam memilih penempatan selepas berkahwin, mereka mengamalkan corak 'ambilocal' iaitu wujud dalam masyarakat yang mengamalkan 'bilateral' iaitu suami isteri bebas memilih penempatan samada di kawasan famili suami atau isteri. Penyesuaian di kedua-dua kawasan penting sebelum mereka memilih tempat tinggal yang tetap. Cara ini juga akan merapatkan hubungan di antara kedua-dua famili kedua-dua pihak. Pengubatan penyakit yang dipercayai disebabkan oleh 'supreme being' seperti hantu, orang bunian dan spirit-spirit tertentu memerlukan cara tertentu untuk menyembuhkannya. Sesetengah spirit mendatangkan bahaya atau penyakit pada manusia. Oleh itu ianya ditakuti. Dalam hal ini khidmat halaq yang mahir diperlukan kerana ia tahu dan pandai membaca jampi. Halaq dianggap mempunyai kuasa ghaib yang luar biasa (*magic*) yang dinyatakan melalui simbolik. John Bettie menjelaskan, "*magic is not only a way of thinking about things, it is also away of doing thing*". Magic juga dirujuk kepada kuasa-kuasa ghaib yang mengawal hidup mereka bertujuan untuk memujuknya jika terdaapt apa-apa kesalahan. Dipercayai makhluk ini akan mendenda manusia melalui penyakit dan mala petaka apabila sesuatu adat dan pantang larang diingkari.<sup>xiii</sup>

### MAKSUD ADAT

Adat ialah peraturan yang diamalkan turun temurun sejak dahulukala lagi dalam sesuatu masyarakat sehingga ia menjadi hukum dan aturan yang mesti dipatuhi.<sup>xiv</sup> Hoker dalam bukunya *Reading in Malay Adat & Law* mengatakan adat itu seperti berikut:

*"Adat-manner-etiquette, proper in their sense of rules of law, law in the sense of concept of law, this sense of adat is related to above: adat that law and religion complement each other and do not clash."*<sup>xv</sup>

Adat juga dikatakan cara dan peraturan hidup yang dipusakai dari datuk nenek yang diperuntukan Dari bapa kepada anak atau daripada yang tua kepada yang lebih muda dengan kaedah diberitahu, ditunjukkan, diajar, ditegur dan disapa dan tiada dengan cara bertulis. Secara tidak langsung adat yang diamalkan secara tidak rasmi menjadi konsep etika yang dipatuhi. Pada amnya etika sering di definisikan sebagai falsafah tingkah laku yang baik dan yang buruk.<sup>xvi</sup>

Adat juga merupakan satu falsafah hidup yang merangkumi ekonomi, politik dan aspek-aspek agama. Ia telah membentuk satu penyatuan dalam semua bentuk interaksi sosial. Adat terdiri daripada dua perkara utama iaitu sistem moral dan agama dan kedua-dua perkara tersebut tidak dapat dipisahkan. Dikatakan sistem morallah yang menjadikan agama itu berkualiti. Manalaka agama pula terdiri daripada perlaksanaan nilai-nilai moral yang dikelaskan sebagai satu tingkah laku. Jika dirujukkan kepada adat orang-orang Kenyah juga ia melibatkan peraturan-peraturan, hukum-hukum agama dan sesuatu yang didatangkan daripada Tuhan yang diterima oleh seluruh masyarakat dan dilaksanakan dalam semua bidang seperti ekonomi, sosial, agama dan politik. Adat juga merupakan satu kuasa pemelihara terhadap struktur politik tradisi dalam satu-satu komuniti untuk melaksanakan sesuatu peraturan atau hukuman kepada ahli masyarakatnya. Adat juga menjelaskan kedudukan dan peranan sesuatu strata sosial berdasarkan kepada susunan kelahiran, kemahiran ketua-ketua pemimpin, kesihatan, umur dan pengetahuan tentang adat. Terdapat berbagai-bagai adat dalam sesuatu masyarakat, dan adat-adat ini lahir dari sistem kepercayaan yang telah wujud sejak dahulu kala.<sup>xvi</sup>

Aristotles, dalam bukunya '*The Nicomachean Ethics*' menyatakan etika berkait rapat dengan "*the good towards which all human desires and practical activities are directed must be one conformable to man's special nature and circumstances and attainable by his efforts.*"<sup>xvii</sup> Nietzsche mengaitkan etika dengan tujuan hidup iaitu '*will to power*' yang bermaksud kemauan manusia untuk melahirkan kejayaan yang sempurna iaitu kemauan bertindak secara kreatif dan bukan bertindak di atas dasar kehaiwanan dan *nature* yang menyarankan manusia menjadi '*super-man*'.

Manusia bertindak dan berfikir selari dengan kemanusiannya. Manusia bertindak dan berfikir selari dengan kerasionalannya. Masyarakat Orang Asli mempunyai etika yang mereka pegang dan menjadi satu prinsip atau garis panduan dalam tindakan mereka, walau bagaimanapun ada masyarakat yang mengatakan etika yang mereka pegang itu lari atau tidak menepati konsep etika yang sebenar. Kesahihan etika mereka tidak boleh dipersoalkan atau terus dipersalahkan oleh orang lain. Baik buruk etika bukanlah bergantung kepada penilaian orang lain tetapi mereka sendiri kerana baik buruk sebenarnya bergantung kepada norma mereka. Di sini etika yang ingin diperkatakan bukanya bersifat mutlak tetapi sentiasa berubah-ubah mengikut budaya mereka. .

Etika mereka tidak boleh dinilai dari sudut pandangan orang lain atau dari sudut pandangan mereka yang beragama kerana mereka sendiri tidak beragama (tidak merujuk kepada keadaan sekarang) sebaliknya ketentuan itu seharusnya ditentukan oleh pengetahuan atau ilmu mengapa etika atau perbuatan (*action*) itu diambil .Jadi penilaian yang dibuat hendaklah berdasarkan kepada pengetahuan yang didasarkan kepada faktor-faktor sekeliling yang mempengaruhi corak kehidupan mereka. Etika

ini termasuklah dari segi sosial atau budaya, politik dan juga ekonomi. Sama dengan masyarakat lain sama ada secara individu atau secara komuniti, mereka juga ingin menjadi masyarakat harmoni dan punya kedamaian. Lingkungan ini dibentuk oleh etika secara langsung dan tidak langsung.

Adat secara langsung membentuk satu komuniti masyarakat yang berdisiplin dan bermoral. Tentu sahaja mereka tidak rela digelar sebagai masyarakat yang liar dan tidak tahu adat serta sopan. Walau pun konsep beragama merupakan sesuatu yang asing bagi mereka (suatu ketika dulu), tetapi etika yang membentuk moral sebagai sebuah masyarakat tetap dipegang. G.J Warnock dalam bukunya '*The Object Of Morality*' menyatakan bahawa konsep moral terkandung dalam satu jenis penilaian. Bukan sahaja aksi yang menjadi penilaian moral, tetapi manusia itu sendiri, iaitu yang melibatkan perilaku manusia. Motif-motif terhadap aksi dan juga perasaan mereka. Seseorang dikatakan mempunyai perangai yang buruk dari segi moral apabila ia memilih untuk melakukan sesuatu yang bersalahan dengan norma masyarakatnya dan bukan membandingnya dengan komuniti masyarakat lain. Moral yang ada pada sesuatu kawasan atau bangsa akan menjadi pengawal kepada gerak laku dan tata cara hidup dalam apa jua cara..

*"the function of morality is to regulate people's feelings and behaviour in such a way as to minimize conflict of interests, and hence frustration and pain".<sup>xviii</sup>*

Pegangan dan keyakinan kepada adat akan mewarnai moral sesuatu komuniti dalam sesuatu organisasi, moral ini akan menghiasi budaya dan menjadi identiti sesuatu bangsa. Bagi Orang Asli adat pada mereka ialah setiap fenomena yang berlaku itu adalah adat dunia dan adat juga dikatakan sebagai hukum alam. Fenomena budaya ini termasuklah soal intelektual dan cara gaya bekerja, yang tumbuh sejak dari awal sejarah manusia dan terus berkembang dari zaman ke zaman dengan lebih kompleks. Ini bertepatan dengan pendapat Joseph A. Camillia:

*"A culture revolution which has perhaps already begun, needed to neutralize the process of the revolutionary coercive socialization and to provide alternatives to institutional programmes predicted on predictable and controlled behaviour. Any culture challenge to the institutional order must take into considerations both the cognitive and normative dimensions of legitimization. Authority structures are legitimated not only by the ethics of their prescriptions but also by the knowledge which defines both 'right' and 'wrong' action.<sup>xix</sup>*

Professor Dr:Drijarkara S.J. mengatakan manusia bukan sekadar alam. Dia selamanya alam dan kebudayaan, maksudnya manusia yang membudayakan alam itu. Lihatlah tanam-tanaman dan haiwan, mereka hidup hanya berjalan dan bergerak tanpa inisiatif untuk mengubah diri dan kehidupannya ke tingkat yang lebih tinggi. Berlainan dengan manusia. Dia tidak hanya hidup, tetapi juga subjek yang sedar diri. Hidupnya tidak hanya berjalan, tetapi mengerti dan menguasai. Dia mengatur hidupnya dengan mengangkat ke tingkat insani (*human level*).<sup>xx</sup>

## DEFINISI TAMADUN

Tamadun ialah kata nama pinjaman bahasa Arab '*tamaddun*' yang dari segi bahasa boleh diertikan sebagai peradaban atau sebagai peradaban atau kemajuan. Di dalam bahasa Inggeris tamaddun disebut sebagai '*civilization*'. Perkataan ini berasal dari perkataan '*civitas*' yang bererti kehidupan bandar . Daripada istilah yang digunakan jelas menunjukkan bahawa apa yang dimaksudkan dengan '*civilization*' atau tamaddun dalam pemikiran Barat ialah ciri-ciri kecanggihan kehidupan bandar yang merangkumi pelbagai aspek, khususnya kemajuan dalam bidang sains dan teknologi. Dalam penggunaan bahasa Melayu, perkataan tamaddun selalunya merujuk kepada kemajuan dalam bidang material serta sains dan teknologi. Kemajuan dan ketinggian nilai moral serta kerohanian disebut sebagai peradaban.

M.A.J.Beg dalam kajiannya mengenai tamaddun telah menjelaskan di dalam bukunya yang berjodol '*Islam and Western Concepts of Civilization*', bahawa terdapat percanggahan pendapat di kalangan sarjana-sarjana barat dalam menentukan ciri-ciri kewujudan tamaddun. Menurutnya, Edward Tylor di dalam buku yang berjodol '*The First Civilization: The Archaeology Of Their Origin*' mengatakan bahawa tamaddun bermula dengan penggunaan tulisan oleh sesuatu bangsa. Pendapat Tylor ini disokong oleh H.Morgan yang mengatakan "diakhir zaman kejahilan, manusia mencipta tulisan dan huruf, melaluinya lah manusia mencipta tamadun". Manakala Beatty dan Johnson pula di dalam bukunya yang berjodol '*Heritage Of Western Civilization*' mengemukakan pendapat bahawa kehidupan kota dan tulisan adalah asas utama kelahiran sesuatu tamaddun. Clyde Kluchon pula menegaskan bahawa kelahiran tamaddun berasaskan kepada tiga perkara iaitu kota yang mempunyai penduduk yang tidak kurang dari 500 orang, adanya sistem lukisan dan tugu peringatan agama.<sup>xxi</sup>

Sarjana terkemuka Ibnu Khaldun dalam bukunya yang terkenal iaitu '*Muqaddimah*' memilih perkataan '*umran*' sebagai menggambarkan tahap kemajuan material dan spiritual yang dicapai oleh sesuatu bangsa. '*Umran*' merujuk kepada beberapa ciri ketamadunan seperti perundangan, mempunyai pegangan aqidan, kemajuan di dalam sistem komunikasi, pencapaian keseniaan yang tinggi dan sebagainya. Penggunaan

perkataan '*umran*' begitu tepat dengan penggunaan perkataan '*civilization*' oleh Barat kerana ia mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia. Menjelang awal abad ke 20M, seorang penulis terkenal di dunia Islam iaitu Muhammad Farid Wajdi dan Muhammad Abduh mempopularkan perkataan '*madaniyyah*' sebagai ganti kepada '*umran*' di dalam penulisan mereka. Perkataan ini telah diterima pakai secara menyeluruh dengan membawa maksud tamadun sepertimana yang difahami hari ini. Iaitu kemajuan hidup, kestabilan dalam sosial, beradab sopan dan ketinggian akhlak.<sup>xxii</sup>

## FOKUS PENULIS

Setelah mengetahui secara umum latar belakang mengenai kehidupan Orang Asli, kini penulis akan memberi tumpuan khusus kepada salah satu suku kaum yang terbesar dari sudut populasinya iaitu komuniti Semai. Tumpuan akan diberikan kepada sistem kepercayaan Orang Semai yang menjadi sebahagian daripada adat dan kebudayaan mereka. Sepertimana komuniti atau etnik lain di dunia ini, adat yang dijunjung itulah yang mencerminkan identiti mereka. Bergitu jugalah dengan Orang Semai yang sebahagian besarnya tinggal di negeri Perak, Pahang dan sebahagian kecilnya di negeri Selangor, khususnya di sempadan negeri Selangor. Mereka juga kaya dengan adat dan kepercayaan yang mengatur sistem kehidupan mereka agar tampak lebih teratur dan sistematik. Walau pun secara umumnya masyarakat ini telah terdedah kepada kehidupan masyarakat luar, namun masih kedapatan nilai-nilai murni dalam adat kepercayaan mereka yang masih segar dalam pengamalan.

## KOSMOLOGI ORANG SEMAI

### Alam

Masyarakat Semai mempercayai alam semester ini terbahagi kepada tujuh lapisan. Setiap lapisan ini diumpamakan sebagai lapisan papan . Setiap lapisan papan ini didiami oleh makhluk-makhluk tertentu. Contohnya di lapisan keenam merupakan tempat kediaman manusia. Papan ketujuh merupakan tempat bulan, bidadari, puteri kayangan malaikat, orang bertuah dan sebagainya. Masyarakat ini juga percaya bahawa syurga turut terletak di sini. Lapisan satu, dua, tiga, empat dan lima pula terletak di bawah permukaan bumi (papan keenam). Papan-papan ini didiami oleh hantu-hantu (*daneh*), hantu manusia (*kermoj*), keramat jin dan sebagainya. Papan satu dikenali sebagai batu hampar,yang didiami oleh '*nagak*' (naga). Mereka juga

percaya selain daripada naga, '*rengkasik*' (gergas) dan '*gelembiei*' (Sang Kelembai) juga mendiami lapisan-lapisan di bawah bumi.<sup>xxiii</sup>

Masyarakat Semai mempercayai, hanya laut yang menjadi sempadan di antara '*negrik*', '*rengkasik*' dan '*gelembiei*' dengan tempat kediaman mereka. Pada zaman dahulu, dipercayai gergasi-gergas ini (termasuk nyamuk), pernah datang ke dunia untuk memburu dan memakan manusia yang dianggap sebagai makanan mereka. Begitu juga dengan Sang Kelembai turut datang ke dunia tetapi bukan untuk memburu manusia kerana mereka tidak menganggap manusia itu makanan mereka. Walau bagaimanapun dipercayai sebilangan besar gergasi-gergas ini berjaya dibunuh oleh manusia yang dianggap bertuah. Umpamanya, dalam satu cerita dikatakan nyamuk-nyamuk gergasi telah berjaya menawan sebuah perkampungan manusia. Setiap hari dikatakan nyamuk-nyamuk gergasi yang dianggarkan sebesar ayam jantan itu telah mengurbankan seorang manusia dengan mengisap darahnya.<sup>xxiv</sup>

Pada mulanya nyamuk-nyamuk ini telah memilih manusia yang besar dan gemuk sebagai mangsanya . Akhirnya seluruh penduduk kampung tersebut telah mati kecuali si Bungsu yang kurus kering. Pada malam sebelum dirinya menjadi korban, si Bungsu tidak datang untuk menyerah dirinya pada nyamuk-nyamuk itu. Sebaliknya dia datang pada waktu tengah hari keesokkan harinya untuk membolehkan kulit-kulit jagung di rumah nyamuk itu menjadi kering. Kelewatan si Bungsu benar-benar menimbulkan kemarahan si nyamuk. Akhirnya si Bungsu tiba ke rumah nyamuk, dan kedatangannya benar-benar menimbulkan kegembiraan si nyamuk yang lapar. Sedang mereka bergembira si Bungsu telah membakar kulit-kulit jagung disekeliling rumah si nyamuk dan menyebabkan satu kebakaran besar telah berlaku dan membunuh nyamuk-nyamuk gergasi itu Abu gergasi itu kemudian berterbangan ditiuang angin dan menjadi nyamuk seperti yang ada pada hari ini.(nyamuk kecil).<sup>xxv</sup>

Sementara itu dipercayai nyamuk-nyamuk gergasi yang berjaya melepaskan dirinya dari kebakaran tersebut telah lari pulang ke negerinya kerana takut dengan kepandaian manusia. Begitu juga dengan Sang Kelembai pulang ke negerinya kerana terperanjat dan takut dengan kepandaian manusia yang dikatakan berjaya memperhambakan angin untuk melayarkan bahtera orang China. Kerana takutkan dirinya turut diperhambakan oleh manusia maka sang Kelembai telah lari ke negerinya.

Seterusnya Orang Semai juga mempercayai alam ini terdiri daripada alam nyata dan alam ghaib. Kewujudan alam ini turut mempengaruhi kehidupan mereka khususnya alam ghaib atau '*supernatural*'. Alam ghaib terdiri daripada kewujudan tuhan, malaikat, penunggu dan hantu. Tuhan merupakan lambang kuasa yang menguasai seluruh lapisan alam, ia juga berkuasa memberi rezeki, kehidupan (nyawa), menentukan nasib serta ajal maut. Dalam kehidupan masyarakat ini tuhan tidak

banyak mempengaruhi kehidupan mereka. Mereka terikat dengan tuhan hanya dalam konsep '*dusa*' (berlaku keingkaran atau kejahanatan). Pembalasan kepada '*dusa*' ini akan dikenakan dan dikatakan sebagai '*tunjuk di tuhan*'. Pembalasan-pembalasan begini akan menjadi iktibar kepada orang lain dan ia berjaya menjadi satu kawalan sosial yang penting. Contohnya jika seseorang itu telah melakukan perbuatan jahat (*dusa*) seperti membunuh binatang, maka ia akan dikenakan pembalasan seperti jatuh sakit secara tiba-tiba.<sup>xxvi</sup>

Masyarakat Semai juga mempercayai permukaan alam ini terbahagi kepada empat penjuru. Setiap penjuru ini dikuasai oleh seorang penunggu. Penunggu penjuru tersebut dikenali sebagai '*Muyang Ulu Temuan*' (Penjuru Timur atau matahari terbit), penunggu '*Lintang Pular*' (penjuru selatan), penunggu '*Neneh Orang Penyungkar*' (penjuru matahari terbenam) dan penunggu utara pula dikenali sebagai penjuru '*Lintang Menuak*'. Selain daripada menunggu empat penjuru alam ini, penunggu-penunggu ini juga turut menjaga tempat-tempat seperti gunung, lubok, bukit dan paya. '*Muyang Ulu Temuan*' merupakan penunggu paling tua dan berdarjat tinggi. Bagi Masyarakat Semai, mereka percaya sistem kosmologi yang difahami mereka adalah pengaruh dari sistem kosmologi masyarakat Temuan. Pengaruh ini dapat dilihat pada nama-nama penunggu yang digunakan oleh mereka.<sup>xxvii</sup> Para penunggu ini juga sebenarnya menyamai dengan konsep tuhan iaitu '*nyenang*' dan '*jenaang*' yang menjadi kuasa tertinggi dan agung kepada masyarakat ini.

*Malikat* pula dikatakan sebagai pembantu tuhan dalam tugas-tugas yang berkaitan dengan manusia, contohnya '*malikat maut*' yang kerjanya mengambil nyawa manusia apabila ajalnya sudah tiba. '*Malikat*' menurut kepercayaan mereka adalah bersifat lelaki dan perempuan. Akhir sekali masyarakat ini juga mempercayai kewujudan hantu-hantu di sekeliling mereka yang dinamakan '*daneh*'. Hantu manusia pula dinamakan '*kermoiij*'. '*Daneh*' mempunyai berbagai sifat seperti burung, kambing, ular, angin dan sebagainya. '*Daneh*' yang jahat akan menyerang manusia, tetapi bukan semangatnya, misalnya memasuki tubuh badan manusia daripada menyebabkan penyakit yang dinamakan '*ketego'r*'. '*Kermoi*' pula hanya akan bertindak kepada manusia apabila manusia dikatakan biadap kepada mereka. Caranya juga hampir sama dengan '*daneh*' iaitu dengan mendatangkan penyakit<sup>xxviii</sup>

Selanjutnya konsep tanah (lapisan keenam) yang menjadi tempat tinggal dan kegiatan ekonomi mereka dipercayai sebagai '*commodity free*'. Oleh kerana itu tiada konflik yang timbul berhubung dengan komuniti ini. Penggunaan tanah bergantung kepada darjah kesuburannya. Jika tanah sudah tidak dapat mengeluarkan hasil yang baik atau kesuburannya berkurangan mereka akan meneroka kawasan baru. Amalan ini dikenali sebagai '*shifting cultivation*'. Seperkara yang menjadi kepercayaan kepada mereka berhubung dengan tanah ini ialah, mereka percaya bahawa tanah diumpamakan sebagai kulit manusia, seandainya berterusan ia digunakan umpsa-

kulit tersebut terus dilukai dan kudisnya atau tempat luka itu sudah pasti lambat sembah. Dalam soal garis sempadan tanah sebenarnya tiada undang-undang bertulis yang menetukan garisan sempadan tanah (*command area*), tetapi mereka memiliki 'saka' iaitu perasaan kepunyaan pada tanah yang menjadi sempadan kepada komuniti itu. Ini bermakna orang lain tidak boleh mengganggu kawasan<sup>xxii</sup> mereka. Garis sempadan kawasan hanyalah ucapan yang keluar dari mulut sahaja.

### Hujan Panas

R.K.Dentan, dalam *A Nonviolent People Of Malaysia* (1968) menejaskan bahawa orang Semai bimbang bila berlaku hujan panas di kawasan mereka. Hujan yang turun semasa matahari sedang memancar menandakan sesuatu yang buruk bakal berlaku misalnya pembunuhan. Ruang angkasa yang berwarna merah semasa matahari naik dan turun juga dipanggil '*nyamp*'. Fenomena ini juga akan mendatangkan penyakit seperti sakit kuning (*jaundice*). Selalunya apabila berlaku hujan panas atau langit menjadi kuning atau kemerah-merahan, ibu bapa akan memastikan anak-anak akan dibawa masuk ke dalam rumah dan segala percakapan akan dihentikan buat sementara. Mereka percaya warna kekuningan dan kemerahan itu sebagai mengingatkan mereka tentang darah (mungkin akan berlaku kematian yang berdarah). Mereka juga percaya pendedahan kepada cuaca sebegini akan menyebabkan penyakit atau kematian disebabkan '*nyam*'(hantu) turut serta berada dalam hujan panas.<sup>xxiii</sup>

Kemunculan pelangi di angkasa dipercayai akan menyebabkan berlakunya hujan panas dan '*nyamp*'. Bagi Orang Semai pelangi juga boleh mendatangkan bahaya kepada mereka. Misalnya jika mereka berjalan di bawah pelangi kemungkinan mereka akan terkena demam yang kuat (teruk) sehingga boleh membawa kematian. Mereka juga mempercayai pelangi terbentuk daripada darah binatang dan manusia yang bersaiz besar yang dibunuh oleh harimau seperti babi dan rusa. Mereka percaya bahawa darah ini akan disedut oleh hujan panas dari bumi dan akan membentuk pelangi.<sup>xxx</sup>

Mimpi merupakan satu kejadian yang dipandang penting dalam masyarakat Semai. Segala sesuatu perkara yang bakal berlaku atau yang dirancangkan akan dihubungkaitkan dengan mimpi khususnya mimpi yang dialami oleh orang-orang yang berkedudukan atau berkuasa contohnya seperti halaq, batin dan sebagainya. Walau bagaimanapun mimpi yang dialami oleh individu yang bakal terlibat dengan perkara-perkara yang dirancang itu juga tidak boleh dipandang remeh. Contohnya dalam soal cari jodoh, ia melibatkan individu yang bakal berkahwin. Dalam soal menentukan cuaca, misalnya hujan mimpi yang dialami oleh ketua mereka lebih diyakini. Begitu juga dengan cara untuk mengawal cuaca, mereka mempunyai konsep kepercayaan tersendiri. Mereka membuang garam atau rotan ke dalam sungai untuk menurunkan hujan.<sup>xxxii</sup>

## Konsep Kejadian Manusia

Dentan menjelaskan komuniti Semai mempercayai manusia diciptakan daripada enam unsur iaitu *ruai* (soul), *keloog* '(spirit), *lehem*' (nafas), *sekook*' atau air muka yang dapat dilihat pada wajah orang yang sihat (aura), *sengiid*' iaitu perasaan yang terletak pada jantung dan nadi yang dapat dirašai di bahagian kiri dada , manusia. Dua unsur daripada enam unsur ini dikatakan amat penting iaitu '*ruai*' dan '*keloog*'. Dengan menggunakan konsep metapora, Orang Semai cuba menghubungkaitkan setiap unsur ini dari sudut kepentingan dan peranannya. 'West Semai' yang dikatakan intelektual Semai mengibaratkan manusia umpama sebuah kereta. '*Ruai*' bertindak sebagai bateri (sebagai '*spark*' atau nyawa untuk membolehkan seseorang itu terus hidup), '*keloog*' sebagai pemandu (menentukan cita-cita atau kehendak aktiviti) '*sengiid*' sebagai enjin yang bergerak (hidup) (umpama aliran kesedaran dan kehidupan), '*lehem*' sebagai bahan bakar (menyediakan tenaga untuk pergerakkan), '*sekook*' umpama cat (yang menggambarkan kecergasan atau kelesuan atau muda atau tua seseorang) dan '*nadi*' sebagai meter kelajuan (mengukur kestabilan hidup seseorang).<sup>xxxii</sup>

*Ruai* difahami berada di belakang bahagian tengah dahi. Ia boleh wujud dalam tiga bentuk iaitu binatang, burung dan kanak-kanak yang pemalu. *Ruai* boleh keluar dan meninggalkan badan ketika manusia itu tidur *Ruai* juga boleh terperangkap dalam perangkap *nyani*' dan jika terjadi sedemikian manusia tersebut akan sakit. Bagi *ruai* yang kuat ia dapat melihat hantu (*nyani*) dan *nyani*' tidak dapat melihatnya, maka selamatlah ia dari angkara *nyani*'. *Ruai* kanak-kanak pula lebih bersifat lemah dan sering kali terjatuh ke dalam perangkap *nyani*' yang boleh menyebabkan kematian atau sakit.<sup>xxxiii</sup> *Keloog* juga boleh meninggalkan badan manusia tetapi dalam jangka masa yang terhad. Sekiranya *keloog* meninggalkan badan terlalu lama manusia tersebut akan mati. R K.Dentan merumuskan *keloog* sebagai merujuk kepada kehidupan dan perasaan. Ia juga turut ditafsirkap sebagai harapan dan kesedaran atau kehidupan, termasuk juga pengalaman hidup.

## Penyakit Dan Kematian

Apabila berlaku sesuatu penyakit atau kematian, selalunya mereka mengaitkanya dengan *ruai* atau *keloog* yang terperangkap dengan *nyani*' seperti daneh dan *kermoj*, berlakunya perlenggaran adat atau pantang dan menerima hukuman dari tuhan akibat dari *dusa*. Apabila berlaku sesuatu penyakit mereka akan membuat rawatan sendiri di rumah seperti meminum ubat rebusan yang pahit atau masam. Mereka akan mengingati semula kesilapan makanan seperti memakan musang yang bermata merah yang boleh mengakibatkan mata mereka anak mereka merah, seandainya punca makanan diperolehi maka mereka mesti berhenti dari mengambil makanan tersebut.

Seandainya proses pengubatan ini gagal membawa kepada penyembuhan, maka khidmat *halaq* digunakan. *Halaq* dikatakan orang yang arif tentang penyakit dan puncanya. *Halaq* juga dikatakan dapat melihat *nyani*'. Keupayaan melihat *nyani*' membolehkannya untuk mengubati penyakit. Cara untuk mengubati penyakit dan menangkap *nyani*' yang mengganggu manusia ini dilakukan dengan cara yang agak rumit, mengikut cara masing-masing. Secara ringkas dikatakan bahawa *halaq* akan menangkap *nyani*' atau racun yang menyebabkan penyakit dan membuangkannya. Setelah itu barulah pesakit tersebut menjadi sembah. Bagi kes kehilangan *ruai*, upacara nyanyian akan dilakukan. Upacara ini dilakukan semata-mata untuk memujuk *ruai* supaya tidak takut untuk datang semula kepada manusia tersebut.<sup>xxxiv</sup>

Kematian merupakan suatu kimestian. Wujud kepercayaan dalam masyarakat Semai bahawa roh orang mati boleh melakukan sesuatu yang jahat. Mereka juga percaya bahawa tempat berlakunya kematian telah diduduki oleh semangat sebelum berlakunya kematian. Mereka juga tidak takut pada roh orang mati, tetapi mereka lebih takut kepada semangat jahat yang menyerang dan mengakibatkan penyakit yang boleh membawa kematian kepada mereka.<sup>xxxv</sup> Zaman dahulu Orang Semai mempercayai bahawa roh dan semangat orang mati akan mengganggu orang hidup selepas tiga hari kematian. Oleh kerana itulah untuk mengelakkan dari kejadian tersebut mereka mesti berpindah dari tempat kediaman mereka tersebut. Seandainya mereka mengabaikan larangan ini mereka pasti dikenakan sesuatu hukuman.

Apabila berlaku kematian, mayat tersebut akan dimandikan terlebih dahulu sebelum dikafankan dengan kain yang bersih yang sering dipakai dan menjadi kegemaran si mati. Terdapat beberapa adat atau pantang larang yang mesti diikuti. Umpamanya semasa membawa mayat ke kawasan perkuburan, kakinya hendaklah dihalakan ke hadapan, supaya *kermoij* si mati tidak dapat menoleh ke belakang untuk melihat jalan pulang ke rumah. Semasa pengkebumian, bahagian kepala mayat itu dihalakan ke arah matahari terbit. Amalan ini dikatakan berkait rapat dengan kepercayaan terhadap penunggu-penunggu di empat penjuru alam serta ketakutan terhadap konsep *tulah*. Selain itu, mayat tersebut juga dibekalkan dengan duit syiling yang diberikan yang diberikan oleh saudara mara yang menghadiri upacara pengkebumian itu untuk membolehkan *kermoij* si mati membeli makanan dan minuman di dunianya yang baru terutama sekali sebelum ia menetap di rumahnya (kuburnya) yang tetap. Kubur yang dibina pada hari pengkebumian merupakan kubur sementara, yang juga dianggap sebagai rumah sementara si mati. Kubur atau rumah yang kekal akan dibina selepas hari ketujuh kematian. Dalam masa tujuh hari kematian, *kermoij* dikatakan masih mempunyai hubungan dengan manusia.

Selain *kermoij*, roh juga dikatakan masih mempunyai hubungan dengan manusia. Sebab itulah dalam tempoh tujuh hari, ahli keluarga si mati akan menghantar makanan diletakkan di sisi kubur pada setiap pagi dan petang. Api turut dinyalakan

sepanjang tempoh tersebut supaya keadaan di situ sentiasa panas dan selamat bagi ahli keluarganya untuk megunjunginya. Di rumah pula, makanan diletakkan di tempat mayat dibaringkan, supaya menyenangkan si roh yang datang dari syurga untuk mengisi kekosongan perutnya untuk meneruskan perjalananannya ke kubur. Pada hari ketujuh, ahli kelurga akan membina semula kubur tetap untuk si mati, upacara ini dikenali sebagai penujuh." Di sebelah kanan bahagian kaki kubur akan dibina sebuah rumah kecil bertiang tinggi dan mempunyai sebatang tangga. Di atas rumah itu akan diletakkan makanan serta sirih pinang. Pada waktu petang (senja) hari penujuh itu, '*malim*' atau keluarga akan menyeru dan memanggil '*kermoij*' si mati dan *kermoij-kermoij* lain untuk menjamu selera dan '*kermoij*' akan diberitahu tentang kedudukannya yang sebenar dan rumah tetap untuk telah dibina. Mulai saat itu hubungan '*kermoij*' dan manusia terputus. Selepas penujuh segala urusan yang berkaitan dengan si mati dihentikan.

Lazimnya apabila berlaku kematian, ibu-ibu yang beranak kecil dilarang untuk melihat mayat kerana dikhuatiri semangat anak mereka akan mengikut mayat ke kubur. Cuping telinga kanak-kanak juga akan dipalitkan dengan kapur supaya tidak mendengar suara hantu. Ibu-ibu yang mengandung juga dilarang untuk melihat orang mati kerana dikhuatiri anak dalam kandungan akan terkenan orang mati itu. Seandainya perkara ini tidak dipatuhi, anak itu sukar dilahirkan dan ada kemungkinan boleh membawa maut. Bagi mereka yang telah pergi ke kubur, hendaklah membasuh kaki dan tangan mereka dengan bedak giling yang disediakan oleh keluarga si mati supaya mereka tidak terkena daki si mati. Daki si mati dikatakan boleh mendatangkan penyakit. Dalam tempoh tujuh hari kematian penduduk kampung di larang dari bersukaria, kerana dikhuatiri akan ditegur oleh *kermoij* si mati. Amalan ini telah melahirkan rasa simpati penduduk kampung kepada keluarga si mati.<sup>xxxvi</sup>

Menurut kepercayaan Orang Semai, 40 hari sebelum berlakunya kematian, semangat orang yang bakal mati itu akan dibersihkan dengan cara memandikanya di luar pintu syurga. Semangat ini akan dimandikan dan dicuci oleh malikat agar ia bebas dari sebarang kekotoran atau *daki*. Semangat yang bebas dari kekotoran akan menjadi sejok, dingin dan teduh, ia juga merupakan sifat-sifat roh. Terdapat pendapat berhubung dengan penyucian ini. Dipercayai *malikat* akan mengambil rambut orang tersebut dan dibelah tujuh, sehelai daripada belahan tersebut (ada yang mengatakan pedang tajam yang digunakan) akan diletakkan di atas kawah yang berisi air panas yang sedang mendidih. Semangat di arahkan supaya berjalan di atas titian tersebut, seandainya ia banyak kekotoran maka ia akan jatuh dan kekotoran tersebut akan dicucikan. Seandainya ia tidak mempunyai kekotoran maka ia akan terlepas dari titian tersebut. Apabila semangat didapati benar-benar suci maka ia akan dibenarkan masuk ke syurga.

Orang Semai percaya dalam tempoh 40 hari penyucian semangat tersebut, berbagai-bagai perkara ganjil berlaku kepada orang tersebut (bakal mati). Misalnya tidak siuman, berkelakuan ganjil dan berbagai perubahan terjadi pada dirinya. Semua gejala ini dikonseptkan sebagai *buang tabiat*.<sup>xxxvii</sup> Setelah genap 40 hari semangat dipisahkan dari orang tersebut maka tuhan telah mengarahkan malikat maut untuk mencabut nyawa orang tersebut. Nyawa atau roh ini akan diletakkan di syurga. Dalam tempoh tujuh hari pertama kematian roh akan sentiasa turun kedunia pulang kerumahnya dan melihat tempat mayat diletakkan. Ia lakukan demukian adalah semata-mata untuk melihat bajunya (jasadnya) apakah boleh dipakai lagi atau tidak. Bila didapati jasad tiada dirumah ia akan ke kubur dengan tujuan yang sama, proses ini akan dilakukan berulangan selama 40 hari dan apabila ia sudah pasti *bajunya* itu sudah tidak boleh digunakan lagi maka ia tidak akan datang lagi, sebaliknya tuhan mengarahkannya untuk dilahirkan semula sebagai kanak-kanak.

### **Pembinaan Rumah**

Dari sudut penempatan Orang Semai mempercayai kawasan tanah tinggi lebih baik berbanding dengan tanah rendah. Di tanah rendah atau lembah banyak hantu-hantu atau jembalang yang boleh mengganggu mereka dan mendatangkan bahaya kepada mereka. Di tempat tinggi hantu kurang untuk mengacau manusia. Secara tidak langsung mereka di anggap terlepas dari segala ancaman penyakit yang disebabkan oleh hantu-hantu. Untuk memilih tapak rumah terdapat beberapa pantang larang yang perlu diberikan perhatian. Contohnya busut (sarang anai-anai) dan tunggul kayu yang besar di atasnya tidak boleh didirikan rumah. Busut dan tunggul kayu dipercayai tempat tinggal jembalang yang boleh mendatangkan kesusahan pada manusia. Seandainya pantang larang ini diingkari mereka yang membuat rumah di situ akan dipanah petir atau mendapat penyakit yang boleh membawa maut.

Untuk mendirikan rumah, terdapat upacar-upacara tertentu yang diamalkan, selalunya pawang akan memainkan perananya dengan membuat hubungan dengan kuasa ghaib untuk memujuk makhluk halus atau jembalang tanah supaya tidak mengacau orang yang tinggal di situ seperti mendatangkan penyakit. Tujuan berbuat demikian semata-mata rumah itu mendapat rahmat dan dimurahkan rezeki. Untuk berinteraksi dengan kuasa ghaib, dan memohon pertolongan kepada mereka selalunya pawang akan menggunakan air jampi yang dicampurkan dengan tepung beras dan dicelupkan dengan daun 'sitawar' untuk direnjiskan pada tiap-tiap tiang rumah.

Pembinaan rumah mestilah memastikan bahagian dapur dihalakan ke bahagian matahari jatuh iaitu barat, utara dan selatan. Ia tidak boleh dihalakan ke timur. Hanya bahagian hadapan sahaja yang mesti mengadap timur iaitu matahari naik. Pembinaan dan kedudukan rumah sedemikian adalah atas dasar kepercayaan kepada penunggu penjuru alam. Sepertimana yang dinyatakan di awal tadi, mereka mempercayai

bahawa penunggu penjuru timur lebih berdaulat dan berdarjat, maka wajiblah dihurmati dengan menghalakan bahagian hadapan rumah kepadanya. Struktur pembinaan rumah ini dikatakan berkaitan dengan dengan konsep tulah. Sekiranya dibina bahagian dapur mengadap penjuru timur, maka ia dikatakan tidak menghurmati '*Muyang Ulu Temuan*', maka sudah pasti sesuatu gejala buruk akan dikenakan kepada mereka. Misalnya hidup mereka dalam papa kedana, susah mendapat rezeki, hilang keupayaan membuat kerja, selalu sakit dan sebagainya.<sup>xxxviii</sup> Selain daripada itu masyarakat ini juga berpegang kepada konsep yang sama dalam menentukan arah letak kepala ketika tidur dan mengkebumikan orang mati. Sewaktu tidur mereka tidak boleh menghalakan kaki ke arah matahari terbit. Begitu juga dengan kedudukan pengkebumian mayat, yakni kepalanya mestilah diarahkan ke bahagian timur.

Konsep tulah amat berperanan dalam sosialisasi masyarakat seharian. Seseorang itu akan dikenakan tulah sekiranya dia melawan atau mengingkari orang yang lebih tua daripadanya. Tulah juga ada hubung kait dengan perangai yang gemar melangkah kepala, memijak bantal, dan tempat tidur, serta melangkah makanan dan minuman mereka. Ketulahan akan terkena kepada mereka yang ingkar dengan peraturan-peraturan yang berkait dengan tulah. Lazimnya mereka akan terkena sesuatu penyakit, kerugian dan sebagainya<sup>xxxix</sup>

Seterusnya dalam struktur hubungan sosial masyarakat khususnya ke arah kesejahteraan dan keharmonian terdapat satu nilai kawalan sosial yang diamalkan oleh mereka. Kawalan tersebut dikenali sebagai '*punan*' dan '*srenglog*'. '*Punan*' ialah bencana yang menimpa seseorang yang gagal memenuhi kehendak dan keinginan dirinya. '*Srenglog*' pula ialah bencana yang menimpa orang yang dimungkiri janji. Kedua-dua bencana ini biasanya berbentuk kemalangan yang mengeluarkan darah. Ia berpunca dari teguran atau pertanyaan '*kermoj*'. Contohnya si A telah berjanji akan bertemu kawanya si B di sesuatu tempat. Tiba-tiba si B tidak datang tanpa khabar berita, maka si A akan terkena '*srenglog*' kerana '*kermoj*' akan bertanya kepada si A, apa sudah terjadi dengan janji kawanya itu. Masyarakat ini begitu serius dengan soal janji kerana mereka tidak mahu mengambil risiko berdepan dengan bencana-bencana yang disebabkan oleh '*daneh*' dan '*kermoj*'.

Dalam amalan yang bersifat istirehat, masyarakat ini dilarang tidur pada waktu senja kerana dipercayai waktu ini *kermoj* baru bangun dari tidur dan masa baginya untuk mencari makanan. Sekiranya terdapat orang tidur waktu ini maka *kermoj* akan menjadikanya menjadi hamba *kermoj*, memikul terung di dalam raga, bagi Orang Semai, sesiapa yang memikul *terung hantu* akan dikenakan penyakit, badanya menjadi lemah dan sebagainya. Bagi kanak-kanak yang tidur di waktu senja, ia hendaklah dipangku oleh ibunya supaya semangatnya tidak terpelanting keluar dan mendatangkan penyakit kepada kanak-kanak tersebut. Pada waktu senja juga wujud pantang larang yang mesti dipatuhi iaitu tidak boleh membalingkan benda-benda

seperti batu, kayu dan sebagainya ke udara kerana ditakuti terkena mata hantu yang dikatakan berkeliaran ketika itu. Malah pada waktu ini juga mereka dilarang membuat bising seperti bersukaria dan bersiulan sehingga ke pagi kerana ia boleh mendatangkan kemarahan kepada hantu-hantu yang baru terjaga dari tidur mereka. Malam adalah umpama siang kepada hantu-hantu.

Oleh kerana masyarakat ini mempunyai kepercayaan yang menebal kepada kuasa hantu-hantu, maka mereka begitu perihatin dan bertanggungjawab dengan setiap perkara yang dilakukan yang disabitkan dengan perasaan hantu-hantu tersebut. Contohnya mereka dilarang mengeluarkan kata-kata luah atau kesat di kawasan kubur atau perkampungan *kermoij*, di tempat yang dipercayai ada penunggu atau keramat. Begitu juga mereka dilarang daripada bermain, berjalan-jalan atau membuang air (kecil/besar) di tempat-tempat tersebut. Seandainya perkara tersebut tidak dapat dielakkan maka mereka hendaklah memohon maaf kepada penunggu tersebut dan meminta kebenaran untuk melakukannya. Mereka juga dilarang mentertawakan benda-benda yang ganjil, kerana dipercayai ia akan menyinggung perasaan *tak engku'* iaitu penunggu yang menguasai tingkah laku manusia. Seandainya pantang larang tadi diingkari maka akan berlaku *terlaj* iaitu kemarahan *tak engku'*. Untuk meredakan kemarahan tuk engkuk', upacara seumpama hukum adat dilakukan iaitu dengan menghukum pesalah dengan memotong rambut mereka dan pesalah hendaklah berpura-pura menangis dan mengadoi seolah-olah dalam kesakitan kerana di dera. Sekiranya hukuman sedemikian tidak dapat meredakan kemarahan *tuk engku'* maka hukuman yang lebih berat dikenakan iaitu hendaklah dilakukan sedikit dan darahnya hendaklah diletakkan di hujung atap rumah supaya bercampur dengan air hujan.

### RUMUSAN DAN KOMENTAR

Dalam penulisan berhubung dengan Adat Dan Pantang Larang Dalam Masyarakat Orang Asli Suku Semai, penulis dapat terlalu luas untuk memperkatakan dan mengolah setiap adat yang diamalkan oleh masyarakat ini. Seperti suku kaum-suku kamu lain, masyarakat Semai juga kaya dengan adat dan pantang larang yang diamalkan dalam masyarakat mereka. Dalam penulisan yang terhad ini penulis hanya berjaya menumpukan secara ringkas kepada beberapa adat yang masih diamalkan. Penulis sengaja tidak menyentuh adat yang berkaitan dengan perkahwinan, hamil dan bersalin. Ini disebabkan ketiga-tiga aspek ini mempunyai banyak adat dan pantang larangnya.

Walaubagaimanapun, daripada adat dan kepercayaan yang telah disentuh oleh penulis, sudah wajar kepada kita untuk menilai proses perkembangan tamadun yang

dilalui oleh masyarakat ini. Jika dilihat dari sudut definasi tamadun jelas menunjukkan kepada kita masyarakat Semai turut mengalami proses ini. Walaupun terdapat definasi-definasi yang menekankan soal kecemerlangan dalam aspek kota dan perbandaran, namun Farid Wajdi misalnya turut menekankan faktor kestabilan sosial dan akhlak yang tinggi yang diamalkan dalam sesuatu masyarakat. Walaupun tiada kota untuk dimegahkan oleh masarakat ini, namun mereka boleh berbangga dengan kecemerlangan kestabilan sosial dan adab atau moral yang tinggi yang diamalkan di kalangan mereka.

Segala adat yang dipercayai dan diamalkan telah menjadikan masyarakat ini sebuah masyarakat yang berdisiplin dan bersistematik dalam setiap pengurusanya. Umpamanya dalam soal menghurmati hantu-hantu atau penunggu, mereka praktiskan konsep ini bukan sekadar atas arahan ibu bapa, sebaliknya telah tersedia di dalam adat yang menjadi kawalan kepada sistem sosial masyarakat ini. Apa yang dapat dilihat keistimewaan adat ini ialah ia telah menjadikan masyarakat ini berhati-hati dalam mengambil sesuatu tindakan, mereka tidak terburu-buru, ada perasaan menghurmati orang, menjadikan diri mereka mengotakan janji yang diikat dan sebagainya. Mereka yakin setiap kesilapan yang dilakukan dan bertentangan dengan kehendak hantu-hantu dan tuhan mereka sudah pasti mereka akan dikenakan hukuman atau pembalasan. Oleh itu secara tidak langsung adat dan kepercayaan masyarakat ini telah membentuk keperibadian yang tinggi, tidak terlibat dengan perkara-perkara yang boleh merosakkan nilai-nilai murni moral masyarakat ini. Di sini jelaslah kepada kita bahawa sesuatu tamaddun itu tidak semestinya bermula dengan kota, tetapi yang lebih tepat ia bermula dengan keindahan budi bahasa. Walaupun masyarakat ini tidak dilingkungi oleh kota-kota batu untuk dibanggakan, namun mereka dilingkungi kota adat yang menjadikan mereka salah satu bangsa yang sedang menuju ke arah kecemerlangan tamaddun.

Adat yang diamalkan bukan sekadar menjadi pengawal sosial, malah mendorong mereka untuk berfikir dan mencari kebenaran. Memiliki konsep berfikir bagi masyarakat Semai menyebabkan adanya berlaku perubahan-perubahan. Jika dahulu konsep kepercayaan mereka mungkin terbatas pada konsep hantu-hantu yang berkuasa, namun kini hasil dari pendedahan mereka dengan masyarakat luar khususnya masyarakat Melayu Islam, konsep kepercayaan mereka juga turut berkembang. Konsep alam selepas mati ada sedikit persamaan dengan konsep alam akhirat dalam Islam. Adanya titian untuk membersihkan *daki*, di dalam Islam adanya titian *Siraatal-Mustaqim* (tetapi bukan untuk menyuci *daki*) . Adanya konsep syurga dan neraka.

Reformasi dalam pemikiran mereka turut berubah dan menyebabkan cara hidup mereka berubah sama ada sebahagian atau keseluruhan. Reformasi yang membentuk

persekitaran mereka adalah berdasarkan alam yang melingkungi mereka, masa dan juga suasana. Berfikir adalah bertanya, bertanya adalah mencari jawapan, mencari jawapan adalah mencari kebenaran. Mencari jawapan tentang Tuhan, alam dan manusia, ertinya mencari kebenaran tentang Tuhan, alam dan manusia. Jadi pada akhirnya mereka adalah pencari kebenaran. Mereka berfikir, bertindak, dan berkelakuan seperti manusai yang lain. Perbezaan wujud apabila mereka mempunyai etika, serta adat yang berbeza tetapi jika dikaitkan dengan teori tertentu mereka sebenarnya tergolong dalam manusia yang bertamadun.

Jika dilihat betapa akrab dan rapatnya masyarakat ini dengan alam, ditambahkan pula wujudnya adat dan pantang larang yang mengawal mereka supaya bersahabat dengan alam, penulis dapati masyarakat Semai jauh lebih menghormati alam dan menjaga keasliannya. Alam adalah sebahagian dari hidup mereka, merosakkan alam umpama merosakkan kehidupan mereka. Berbanding dengan bangsa-bangsa yang mendabik dada mengatakan mereka bertamadun, tetapi dalam masa yang sama mereka adalah pemusnah alam. Kemajuan dalam bidang industri menjadikan mereka rakus dalam mengejar kemewahan hidup dan pencemaran alam ini. Satu persoalan boleh diajukan, apakah sikap begini dikatakan bertamadun?

### **NOTA AKHIR**

<sup>i</sup> Razha Rashid, *Indigenous Minorities Of Peninsular Malaysia*, Kuala Lumpur, 1995, hlm:8

<sup>ii</sup> Ibid.

<sup>iii</sup> Marie-Andree Couillard, *Tradition In Tension: Carving In Jah Hut Community*, University Sains Malaysia, Penang, 1980, hlm:6.

<sup>iv</sup> Ibid.

<sup>v</sup> Ibid, Raza Rashid, hal:9.

<sup>vi</sup> Baharun Azhar Raffie, *Parit Gong: An Orang Asli Community In Transition*, JHEOA, Kuala Lumpur, 1973, hlm:22

<sup>vii</sup> Ibid.

<sup>viii</sup> Ibid Raza Rashid, hal:24.

<sup>ix</sup> Ibid Baharun Azhar Raffie, hal:24.

<sup>x</sup> Hariza Mohd Yusoff, *Konsep Pemikiran Masyarakat Semoq Beri dan Mah Meri*, Kuala Lumpur, 1997, hlm: 75-76.

<sup>xi</sup> David L. Sills, *International Encyclopedia Of Social Science*, The Mac Millan Company And The Free Press, vol. 1.1968, hlm:450.

<sup>xii</sup> John Beattie, *Other Cultures*, Routledge & Kegan Paul Ltd, London, 1964, hlm:207.

- 
- <sup>xiii</sup> Amran Abdullah , Hamidah Husain, *Adat orang-orang Melayu*,Prisma Sdn. Bhd. 1993, hal: 1
- <sup>xiv</sup> M.B.Hoker, *Reading in Malay Adat &Law* ,Singapore:Universiti Press, 1970:hal ix.
- <sup>xv</sup> Endang Saifuddin Anshaari ; *Sains Falsafah dan Agama* (DBP 1982) hal:90.
- <sup>xvi</sup> The Sarawak Museum Journal, *Artikel The Kenyah Of Sarawak* By Jacob Dungau Sagan,Issued By The Museum , Kuching Sarawak, Vol XL Decem 1989.
- <sup>xvii</sup> Aristotle, *The Nicomachean Ethics*, (trans P D Chase), London and Publishing T.M Dent and Sons Ltd, 1930, 1930. Hlm. XII.
- <sup>xviii</sup> Thomas P. Perry, *Moral Reasoning And Truth : An Essay in Philosophy And Jurisprudence*, Clarendon Preees, Oxford, 1976, hlm:3.
- <sup>xix</sup> Joseph A. Camille, *Civilization In Crisis: human Prospects In Changing World*, (London: Cambridge university, 1976),hlm: 246.
- <sup>xx</sup> N.Drijarkara S.J.*Filsafat Manusia*,Yogyakarta, 1969, hlm:22.
- <sup>xxi</sup> Mustaffa Haji Daud ,*Pengantar Tamaddun Islam*, Media Intelek,1985, hlm:3-4.
- <sup>xxii</sup> Azam Hamzah, *Islam dan Tamaddun*, Shah Alam, 1996, hlm : 2-3.
- <sup>xxiii</sup> Lihat Juli Edo, Kepercayaan Dan Pantang Larang Di Kalangan Orang Semai, Risalah, hlm: 7
- <sup>xxiv</sup> Ibid.
- <sup>xxv</sup> Ibid
- <sup>xxvi</sup> Ibid,hal:84.
- <sup>xxvii</sup> Ibid,hal:77.
- <sup>xxviii</sup> Ibid,hal:86.
- <sup>xxix</sup> Dentan .R.K, *A Nonviolent People Of Malaya*, New York: Holt,Rine Hart and Winston, 1968,hlm: 20-21.
- <sup>xxx</sup> Ibid.
- <sup>xxxi</sup> Ibid,hal:19.
- <sup>xxxii</sup> Ibid,hal:82-83.
- <sup>xxxiii</sup> Juli Edo, *Jurnal Pengajian Melayu: Konsep Manusia dan Semangat Dalam Sistem Keagamaan Semai*, Jilid 3,1991, hlm:47.
- <sup>xxxiv</sup> Ibid Dentan, Hal:88.
- <sup>xxxv</sup> Ibid Amran kasimin, hal:76.
- <sup>xxxvi</sup> Ibid Juli Edo, Risalah Kepercayaan Dan Pantang Larang Orang Semai hlm:93-95.
- <sup>xxxvii</sup> Ibid Juli Edo, *Jurnal Pengajian Melayu*, hlm: 54
- <sup>xxxviii</sup> Ibid Juli Edo, Risalah: Kepercayaan dan Pantang Larang Dalam Masyarakat Semai hlm:89.
- <sup>xxxix</sup> Ibid Juli Edo, *Risalah: Kepercayaan dan Pantang Larang Dalam Masyarakat Semai* hlm:89.

---

**BIBLIOGRAFI**

- 1 Amran Abdullah , Hamidah Husain, *Adat orang-orang Melayu* (Prisma Sdn. Bhd. 1993)
- 2 Aristotles, *The Nicomachean Ethics*, (trans P D Chase), London and Publishing T.M Dent and Sons Ltd, 1930, 1930.
- 3 Azam Hamzah, *Islam dan Tamaddun*, Shah Alam, 1996
- 4 Baharun Azhar Raffie, "Parit Gong: An Orang Asli Community In Transition", JHEOA, Kuala Lumpur, 1973.
- 5 Dentan .R.K, *A Nonviolent People Of Malaya*, New York: Holt, Rine Hart and Winston, 1968.
- 6 Endang Saifuddin Anshaari ; *Sains Falsafah dan Agama* (DBP 1982).
- 7 Hariza Mohd Yusoff, *Konsep Pemikiran Masyarakat Semoq Beri dan Mah Meri*, Kuala Lumpur,1997.
- 8 John Beattie, *Other Cultures*, Routledge & Kegan Paul Ltd, London, 1964.
- 9 Joseph A. Camille, *Civilization In Crisis: human Prospects In Changing World*, (London: Cambridge university, 1976.
- 10 Juli Edo, *Kepercayaan Dan Pantang Larang Di Kalangan Orang Semai*, Risalah.
- 11 Juli Edo, *Jurnal Pengajian Melayu: Konsep Manusia dan Semangat Dalam Sistem Keagamaan Semai*, Jilid 3,1991.
- 12 Mustaffa Haji Daud ,*Pengantar Tamaddun Islam*, Media Intelek,1985.
- 13 Marie-Andree Couillard, *Tradition In Tension:Carving In Jah Hut Community*, University Sains Malaysia, Penang, 1980
- 14 M.B.Hoker, *Reading in Malay Adat & Law* (Singapore:Universiti Press, 1970

- 15 N.Drijarkara S.J., *Filsafat Manusia*, Yogyakarta, 1969.
- 16 Razha Rashid, *Indigenous Minorities Of Peninsular Malaysia*, Kuala Lumpur, 1995.
- 17 Jacob Dunagu Sagan, *The Sarawak Museum Journal, The Kenyah Of Sarawak*, Issued By The Museum , Kuching Sarawak, Vol XL Decem .1989.
- 18 Thomas P. Perry, *Moral Reasoning And Truth : An Essay in Philosophy And Jurisprudence*, Clarendon Preees, Oxford, 1976.